



**PANDUAN PEMBENTUKAN NOSS TERBITAN MELALUI
PENGGABUNGAN UNIT KOMPETENSI NOSS SEDIA ADA BAGI
PELAKSANAAN SISTEM PENSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA**

EDISI 2024

JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA

PRAKATA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam sejahtera,

Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.,

Buku Panduan Pembentukan NOSS Terbitan Melalui Penggabungan Unit Kompetensi NOSS Sedia Ada Bagi Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia merupakan satu inisiatif yang berfungsi sebagai panduan asas dalam pembangunan NOSS Terbitan. Buku panduan ini mengandungi pelbagai maklumat penting yang sangat bermanfaat, khususnya kepada pegawai Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), pemohon, dan penilai NOSS Terbitan dalam pelbagai aspek pembangunan NOSS Terbitan.

Adalah diharapkan agar maklumat yang terkandung dalam buku panduan ini dapat memberi panduan yang berguna kepada semua pihak, memudahkan serta melancarkan urusan, dan seterusnya meningkatkan kualiti pembentukan NOSS Terbitan.

Semoga usaha murni ini berjaya mencapai VISI dan MISI JPK, diberkati oleh Allah S.W.T dan mendapat keredhaan-Nya. Kita berusaha dan merancang sebaik mungkin, namun hanya Allah S.W.T yang menentukan kejayaan. Akhir kata, syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buku Panduan ini.

Sekian, terima kasih.

SITI FAUZIAH BINTI JUMADI

Pengarah

Bahagian Standard Pekerjaan dan Kurikulum TVET (BSPKTVET)

Jabatan Pembangunan Kemahiran

Kementerian Sumber Manusia

KATA ALUAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada seluruh warga Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), khususnya Bahagian SPKTVET dan Jawatankuasa yang berjaya menerbitkan Buku Panduan Pembentukan NOSS Terbitan Melalui Penggabungan Unit Kompetensi NOSS Sedia Ada Bagi Pelaksanaan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia, Edisi 2024.

Proses penghasilan buku panduan yang lebih ringkas dengan melibatkan pelbagai Bahagian di JPK dapat meningkatkan kecekapan serta mutu pembentukan NOSS Terbitan.

Selaras dengan dasar Kerajaan untuk memartabatkan dan mengarusperdanakan bidang TVET di Malaysia, pegawai JPK, pemohon, serta penilai NOSS Terbitan boleh menggunakan buku panduan ini sebagai rujukan bagi memastikan proses pembentukan NOSS Terbitan dilaksanakan dengan efisien. Diharapkan penggunaan buku panduan ini secara meluas dapat menyelaraskan, menyeragamkan, serta meningkatkan keberkesanan dan kualiti NOSS Terbitan dengan jayanya.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat, yang sentiasa memberi sokongan dan komitmen tinggi dalam memastikan JPK terus menerajui latihan kemahiran negara dan kekal berada di persada kecemerlangan.

Sekian, terima kasih.

Ts. ZULEAH BINTI DARSONG

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

KANDUNGAN

PRAKATA.....	ii
KATA ALUAN.....	iii
SENARAI AKRONIM.....	vi
TAFSIRAN	viii
SENARAI RAJAH.....	x
SENARAI JADUAL	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
1) PENDAHULUAN	1
2) LATAR BELAKANG.....	1
2.1) Kategori Standard.....	2
2.2) Kaedah Pembentukan NOSS Terbitan.....	3
2.3) Kriteria Pemohon NOSS Terbitan	4
3) STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (<i>NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD, NOSS</i>) TERBITAN.....	6
3.1) Rujukan Piawaian Industri dalam Pembangunan Standard	6
3.2) Tahap Kompetensi NOSS	8
3.3) Kandungan NOSS Terbitan	10
4) TATACARA PEMBENTUKAN NOSS TERBITAN.....	12
4.1) Analisis Keperluan (<i>Need Analysis</i>) Pekerjaan di Industri.....	14
4.2) Analisis Pekerjaan (<i>Occupational Analysis, OA</i>) & Analisis Bidang Pekerjaan (<i>Occupational Area Analysis, OAA</i>).....	15
4.3) Analisis Kompetensi (<i>Competency Analysis</i>)	19
4.4) Gabungan Profil Kompetensi (<i>Competency Profile, CP</i>) dan CoCU dalam dokumen NOSS Terbitan	23
4.5) Pembangunan Praktis Standard (<i>Standard Practice, SP</i>)	32
5) PENILAIAN (<i>ASSESSMENT</i>), PERAKUAN (<i>ENDORSEMENT</i>) DAN KELULUSAN (<i>APPROVAL</i>) NOSS TERBITAN	42
5.1) Penilaian (<i>assessment</i>) oleh Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard (JTPS)	42

5.2)	Perakuan (<i>endorsement</i>) oleh Jawatankuasa Teknikal Standard (JTS)	42
5.3)	Kelulusan (<i>approval</i>) Dokumen NOSS Terbitan oleh Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK)	43
6)	NOSS TERBITAN ATAS TALIAN	44
	TARIKH KUAT KUASA	44
	PEMAKAIAN	44
	LAMPIRAN A: Borang Cadangan Pembentukan NOSS Terbitan	45
	LAMPIRAN B: Borang Padanan Proses Kerja dan NOSS.....	46
	LAMPIRAN C: Borang Pengesahan Industri	47
	LAMPIRAN D: Sampel <i>Value Chain</i> Bagi Penetapan Kod MSIC	48
	LAMPIRAN E: Contoh Pembentukan NOSS Terbitan	49
	AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN PANDUAN	51

SENARAI AKRONIM

CoCU	Kurikulum Unit Kompetensi (<i>Curriculum of Competency Unit</i>)
CP	Profil Kompetensi (<i>Competency Profile</i>)
CPC	Carta Profil Kompetensi (<i>Competency Profile Chart</i>)
CU	Unit Kompetensi (<i>Competency Unit</i>)
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia (<i>Malaysian Skills Diploma</i>)
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (<i>Malaysian Skills Advanced Diploma</i>)
ILB	Badan Peneraju Industri (<i>Industry Lead Body</i>)
ISIC	<i>International Standard Industrial Classification of All Economics</i>
JA	Bidang Pekerjaan (<i>Job Area</i>)
JKP	Jabatan Pembangunan Kemahiran (<i>Department of Skills Development</i>)
JT	Tajuk Pekerjaan (<i>Job Title</i>)
JTPS	Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard
JTS	Jawatankuasa Teknikal Standard
KPPK	Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
MPKK	Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (<i>National Skills Development Council</i>)
MSIC	Standard Klasifikasi Industri Malaysia (<i>Malaysia Standard Industrial Classification</i>)
NOSS	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (<i>National Occupational Skills Standard</i>)
OA	Analisis Pekerjaan (<i>Occupational Analysis</i>)
OAA	Analisis Bidang Pekerjaan (<i>Occupational Area Analysis</i>)
OAS	Struktur Bidang Pekerjaan (<i>Occupational Area Structure</i>)
OF	Kerangka Pekerjaan Kebangsaan (<i>National Occupational Framework</i>)
OS	Struktur Pekerjaan (<i>Occupational Structure</i>)
PB	Pusat Bertauliah
PLK	Penyedia Latihan Kemahiran
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia (<i>Malaysian Skills Certificate</i>)
SOP	Prosedur Operasi Standard (<i>Standard Operating Procedure</i>)
SP	Praktis Standard (<i>Standard Practice</i>)

SPKM	Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia
TEM	Perkakasan, Peralatan dan Bahan (<i>Tools, Equipment and Materials</i>)
TVET	<i>Technical and Vocational Education Training</i>
WA	Aktiviti Kerja (<i>Work Activity</i>)

TAFSIRAN

Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Industri” ertinya apa-apa aktiviti ekonomi, dan termasuklah aktiviti pertanian, pengilangan dan perkhidmatan.

“Jabatan” ertinya Jabatan Pembangunan Kemahiran di bawah Kementerian Sumber Manusia.

“Kemahiran” ertinya suatu kebolehan yang diperolehi dan yang diamalkan untuk menjalankan sesuatu tugas atau kerja dengan cekap.

“Pengamal industri” ertinya mana-mana individu yang bergiat aktif dan berkepakaran dalam sesuatu bidang pekerjaan.

“Penyedia latihan kemahiran” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak Standard berkaitan.

“Pusat bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu Sijil.

“Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)” ertinya polisi, mekanisme Standard dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan suatu Sijil oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK).

“Standard” ertinya Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) yang diwujudkan di bawah Bahagian IV Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652].

“Standard Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC)” ertinya klasifikasi industri di Malaysia yang didaftarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)” ertinya satu dokumen yang menggariskan keterampilan yang perlu dimiliki oleh seseorang pekerja dalam sesuatu bidang pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.

“Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Terbitan” ertinya satu dokumen yang menggariskan gabungan unit-unit kompetensi pelbagai Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) sedia ada untuk memenuhi keperluan pekerjaan dalam industri di Malaysia bagi pelaksanaan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).

“Stakeholder” ertinya pemegang taruh atau pihak berkepentingan dalam industri berkenaan.

SENARAI RAJAH

Bil.	Tajuk	Muka Surat
Rajah 4-1 :	Carta Alir Pembentukan NOSS Terbitan	13
Rajah 4-2 :	Penyusunan CU dan WA dalam NOSS Terbitan	22
Rajah 4-3 :	Templat Profil Kompetensi (<i>Competency Profile, CP</i>).....	25
Rajah 4-4 :	Templat Kurikulum Unit Kompetensi (CoCU)	27
Rajah 4-5 :	Template Perkakasan, Peralatan dan Bahan.....	29
Rajah 4-6 :	Template penentuan peratusan pemberat	31
Rajah 4-7 :	Definisi tahap kompetensi	37

SENARAI JADUAL

Bil.	Tajuk	Muka Surat
Jadual 2-1 :	Kategori Standard	2
Jadual 3-1 :	Dua puluh satu (21) Industri utama dalam MSIC	7
Jadual 3-2 :	Definisi tahap kompetensi di dalam NOSS	8
Jadual 4-1 :	Struktur Jawatan Pekerjaan	17
Jadual 4-2 :	Struktur Bidang Pekerjaan (OAS)	19
Jadual 4-3 :	Contoh Struktur Pekerjaan	36
Jadual 4-4 :	Contoh Struktur Bidang Pekerjaan.....	36
Jadual 4-5 :	Jawatankuasa Teknikal Penilaian Standard.....	41

SENARAI LAMPIRAN

Bil.	Tajuk	Muka Surat
	Lampiran A - Borang Cadangan Pembentukan NOSS Terbitan.....	45
	Lampiran B - Borang Padanan Proses Kerja dan NOSS.....	46
	Lampiran C - Borang Pengesahan Industri.....	47
	Lampiran D - Sampel <i>Value Chain</i> Bagi Penetapan Kod MSIC.....	48
	Lampiran E - Contoh Pembentukan Noss Terbitan	49

1) PENDAHULUAN

Panduan ini bertujuan memberi penerangan mengenai tatacara pembentukan NOSS Terbitan melalui penggabungan unit kompetensi NOSS sedia ada bagi pelaksanaan latihan melalui Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia. Objektif panduan ini adalah untuk:

- 1.1) memandu arah pembentukan dokumen NOSS Terbitan; dan
- 1.2) memastikan dokumen NOSS Terbitan yang dibangunkan adalah memenuhi keperluan Jabatan.

2) LATAR BELAKANG

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard (NOSS)* merupakan dokumen utama bagi pelaksanaan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia dalam menghasilkan tenaga kerja mahir negara. Standard ini menjadi sumber rujukan oleh penyedia latihan TVET (*Technical and Vocational Education Training*) dan industri bagi pelbagai tujuan seperti pelaksanaan latihan kemahiran, penetapan gaji pekerja, pembangunan manual kerja dan lain-lain aspek berkaitan. Perubahan pesat dalam pelbagai industri telah membawa kepada pertumbuhan ekonomi gig dan pembentukan struktur pekerjaan baharu, yang merupakan kesan daripada pendigitalan pekerjaan serta kemelesetan ekonomi, terutamanya semasa pandemik. Oleh itu, terdapat keperluan mewujudkan NOSS Terbitan melalui penggabungan unit kompetensi NOSS sedia ada bagi memberi fleksibiliti kepada industri dan penyedia latihan.

Justeru itu, pembentukan NOSS terbitan adalah relevan digunakan sebagai sandaran dalam pelaksanaan Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berdasarkan kepada kehendak industri terkini.

2.1) Kategori Standard

Standard terbahagi kepada tiga kategori seperti Jadual 2-1.

Jadual 2-1 : Kategori Standard

Kategori	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS)	NOSS Terbitan	Standard Kompetensi Kebangsaan (NCS)
Tujuan	Fokus kepada bidang tugas yang khusus	Fokus kepada bidang tugas yang khusus kepada industri tertentu	Fokus kepada bidang tugas yang umum
Laluan Kerjaya	Mempunyai laluan kerjaya tersendiri	Mempunyai laluan kerjaya tersendiri	Tiada laluan kerjaya
Tahap	Tahap 1 – Tahap 5	Tahap 1 – Tahap 5	Tiada Tahap
Pensijilan	SKM, DKM, DLKM; Penyata Pencapaian	SKM, DKM, DLKM	Penyata Pencapaian

2.2) Kaedah Pembentukan NOSS Terbitan

Terdapat tiga (3) pilihan kaedah pembentukan NOSS Terbitan seperti berikut:

a) **KAEDAH 1:**

Gabungan sekurang-kurangnya **60% bilangan CU daripada satu (1) NOSS sedia ada yang sama** dan tambahan CU daripada mana-mana NOSS yang lain. Tambahan CU boleh merentasi pelbagai tahap dan seksyen MSIC.

b) **KAEDAH 2:**

Gabungan 60% CU daripada mana-mana NOSS sedia ada dalam seksyen MSIC yang sama dan tambahan CU daripada mana-mana NOSS yang lain. Tambahan CU boleh merentasi pelbagai tahap dan seksyen MSIC.

c) **KAEDAH 3:**

Gabungan CU daripada mana-mana NOSS sedia ada merentasi pelbagai tahap dan seksyen MSIC.

2.3) Kriteria Pemohon NOSS Terbitan

Kriteria pemohon NOSS Terbitan adalah seperti berikut:

a) **Kategori Pemohon:**

- i) Permohonan hendaklah dikemukakan oleh pengamal industri.
- ii) Sekiranya permohonan dikemukakan oleh Pusat Bertauliah (PB) / Penyedia Latihan Kemahiran (PLK), permohonan tersebut perlu mendapat pengesahan pihak industri / *stakeholder* berkaitan seperti *Industry Lead Body (ILB)* lantikan JPK / Pengamal Industri Utama / Badan Perlesenan / Badan Penguatkuasa / Persatuan menggunakan Borang Pengesahan Industri (Lampiran C) beserta dokumen sokongan seperti Jalinan Kerjasama PB / PLK dan Industri.
- iii) Permohonan secara individu adalah tidak dibenarkan.

b) **Tujuan permohonan:**

Permohonan adalah untuk pelaksanaan SPKM bagi tujuan pensijilan penuh.

c) **Peranan Pemohon:**

- i) membangun dokumen NOSS Terbitan sesuai dengan keperluan industri;
- ii) membentangkan draf dokumen NOSS Terbitan bagi pengesahan dan perakuan JTPS;
- iii) merekod maklum balas mesyuarat JTPS;
- iv) membuat pembetulan hasil daripada maklum balas mesyuarat tersebut (sekiranya ada); dan
- v) memastikan dokumen memenuhi spesifikasi dan lengkap untuk dibawa ke mesyuarat JTS.

d) **Dokumen permohonan:**

- i) Borang Permohonan seperti di Lampiran A;
- ii) Borang Padanan NOSS Terbitan seperti di Lampiran B;
- iii) Borang Pengesahan Industri seperti di Lampiran C beserta dokumen sokongan seperti Jalinan Kerjasama PB / PLK dan Industri (sekiranya pemohon adalah PB / PLK);
- iv) Draf dokumen NOSS Terbitan yang lengkap berbentuk cetakan dokumen berserta *softcopy* berformat *Microsoft Word (.doc)* untuk dibawa ke mesyuarat JTPS dan memastikan tiada kesalahan pada perkara-perkara berikut:
 - 1. Terma teknikal;
 - 2. Frasa ayat dan bahasa;
 - 3. tipografi (*typography*); dan
 - 4. format dokumen NOSS Terbitan.

3) STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (*NATIONAL OCCUPATIONAL SKILLS STANDARD, NOSS*) TERBITAN

Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (*National Occupational Skills Standard, NOSS*) adalah dokumen yang menggariskan keperluan kompetensi bagi seseorang pekerja mahir yang bekerja di Malaysia bagi sesuatu bidang dan tahap pekerjaan serta laluan untuk mencapai keterampilan tersebut.

Manakala, NOSS Terbitan adalah dokumen yang menggariskan gabungan unit-unit kompetensi pelbagai NOSS sedia ada untuk memenuhi keperluan pekerjaan dalam industri di Malaysia bagi tujuan pensijilan penuh dalam pelaksanaan SPKM.

NOSS Terbitan dibangunkan mengikut keperluan semasa bidang tugas industri tertentu selaras dengan struktur kerjaya di dalam sesuatu bidang pekerjaan di industri tersebut. Ia dibangunkan oleh pengamal industri dan pekerja mahir industri berkaitan dan seterusnya dinilai oleh anggota Jawatankuasa Teknikal Iantikan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).

3.1) Rujukan Piawaian Industri dalam Pembangunan Standard

Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (*Malaysia Standard Industry Classification, MSIC*) 2008 Versi 1.0 yang didaftarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia adalah klasifikasi untuk kesemua aktiviti ekonomi di Malaysia yang dibangunkan berdasarkan *International Standard Industrial Classification of All Economics (ISIC) Revision 4* yang telah diterbitkan pada Disember 2006 (dengan keperluan perubahan dan modifikasi untuk memenuhi keperluan negara). Ia menggantikan MSIC 2000 yang dibangunkan berasaskan kepada *ISIC Revision 3*. 21 industri utama dalam MSIC ini disenaraikan seperti Jadual 3-1.

Jadual 3-1 : 21 Industri Utama Dalam MSIC

BIL / NO	KOD / CODE	SEKSYEN / SECTION	
1	A	Pertanian, Perhutanan Dan Perikanan	<i>Agriculture, Forestry And Fishing</i>
2	B	Perlombongan Dan Pengkuarian	<i>Mining And Quarrying</i>
3	C	Pembuatan	<i>Manufacturing</i>
4	D	Bekalan Elektrik, Gas, Wap Dan Pendingin Udara	<i>Electricity, Gas, Steam And Air Conditioning Supply</i>
5	E	Bekalan Air; Pembentungan, Pengurusan Sisa Dan Aktiviti Pemulihan	<i>Water Supply; Sewerage, Waste Management And Remediation Activities</i>
6	F	Pembinaan	<i>Construction</i>
7	G	Perdagangan Borong Dan Runcit, Pembaikan Kenderaan Bermotor Dan Motosikal	<i>Wholesale And Retail Trade; Repair Of Motor Vehicles And Motorcycles</i>
8	H	Pengangkutan Dan Penyimpanan	<i>Transportation And Storage</i>
9	I	Penginapan Dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan Dan Minuman	<i>Accommodation And Food Service Activities</i>
10	J	Maklumat Dan Komunikasi	<i>Information And Communication</i>
11	K	Aktiviti Kewangan Dan Insurans/ Takaful	<i>Financial And Insurance/ Takaful Activities</i>
12	L	Aktiviti Hartanah	<i>Real Estate Activities</i>
13	M	Aktiviti Profesional, Saintifik Dan Teknikal	<i>Professional, Scientific And Technical Activities</i>
14	N	Aktiviti Pentadbiran Dan Khidmat Sokongan	<i>Administrative And Support Service Activities</i>
15	O	Pentadbiran Awam Dan Pertahanan; Aktiviti Keselamatan Sosial Wajib	<i>Public Administration And Defence; Compulsory Social Security</i>
16	P	Pendidikan	<i>Education</i>
17	Q	Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan Dan Kerja Sosial	<i>Human Health And Social Work Activities</i>
18	R	Kesenian, Hiburan Dan Rekreasi	<i>Arts Entertainment And Recreation</i>
19	S	Aktiviti Perkhidmatan Lain	<i>Other Service Activities</i>
20	T	Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan; Aktiviti Mengeluarkan Barangan Dan Perkhidmatan Yang Tidak Dapat Dibezakan Oleh Isi Rumah Untuk Kegunaan Sendiri	<i>Activities Of Households As Employers; Undifferentiated Goods and Services-Producing Activities Of Households For Own Use</i>
21	U	Aktiviti Badan Dan Pertubuhan Luar Wilayah	<i>Activities Of Extraterritorial Organizations And Bodies</i>

3.2) Tahap Kompetensi NOSS

Lima (5) tahap kompetensi NOSS telah diperkenalkan bagi memberi respon kepada pelbagai cadangan yang terkandung dalam laporan Jawatankuasa Kabinet berkaitan latihan, 1991 seperti berikut:

- a) bagi mengembangkan sistem akreditasi dengan memasukkan kemahiran tahap tinggi melebihi tahap tiga (tinggi);
- b) bagi mengkaji kemungkinan memberi akreditasi kepada pekerja mahir tahap tertinggi supaya wujud laluan kerjaya bagi pekerja mahir terlatih; dan
- c) bagi mengkaji saluran untuk meningkatkan tahap pekerja mahir kepada tahap juruteknik atau tahap jawatan yang lebih tinggi bagi pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Huraian dan penerangan bagi lima (5) tahap kompetensi NOSS adalah seperti Jadual 3-2.

Jadual 3-2 : Definisi tahap kompetensi di dalam NOSS

TAHAP NOSS	DEFINISI
Tahap 1	Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja, sebahagian besarnya adalah lazim dilakukan dan boleh dijangka.
Tahap 2	Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja dalam pelbagai konteks, sebahagiannya adalah tidak lazim dilakukan serta memerlukan tanggungjawab dan autonomi diri.
Tahap 3	Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja dalam pelbagai konteks, kebanyakannya adalah kompleks dan tidak lazim dilakukan. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, disamping mengawal dan memberi panduan kepada yang lain.
Tahap 4	Terampil melakukan pelbagai aktiviti kerja teknikal dan profesional yang luas skop dan konteksnya. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang tinggi, disamping lazim bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber.

TAHAP NOSS	DEFINISI
Tahap 5	Terampil menggunakan pelbagai prinsip asas dan teknik yang kompleks, serta selalu tidak dijangka. Mempunyai tanggungjawab dan autonomi diri yang sangat tinggi, serta bertanggungjawab terhadap kerja orang lain dan agihan sumber-sumber. Bertanggungjawab juga terhadap analisis, diagnosis, reka bentuk, perancangan, pengendalian dan penilaian.

3.3) Kandungan NOSS Terbitan

Kandungan NOSS Terbitan terdiri daripada:

a) **Praktis Standard (*Standard Practice, SP*)**

SP memberikan gambaran keseluruhan bidang pekerjaan khusus untuk sesuatu profesion. SP mendokumenkan praktis / amalan terbaik yang menjadi piawai suatu pekerjaan atau kompetensi.

b) **Kandungan Standard (*Standard Content, SC*)**

i) **Carta Profil Kompetensi (*Competency Profile Chart, CPC*)**

CPC terdiri daripada senarai gabungan unit kompetensi sedia ada bersama dengan senarai aktiviti kerja bagi setiap unit kompetensi tersebut.

ii) **Profil Kompetensi (*Competency Profile, CP*)**

CP adalah pecahan seterusnya daripada CPC. Setiap CP mempunyai huraian CU yang berkaitan termasuk Aktiviti Kerja (*Work Activity, WA*). Setiap WA diperincikan dengan langkah kerja / proses kerja dan kriteria prestasi.

c) **Kurikulum Unit Kompetensi (*Curriculum of Competency Unit, CoCU*)**

CoCU adalah kurikulum yang dipakejkan bersama NOSS yang dibangunkan berasaskan *Competency Profile (CP)* bagi sesuatu CU yang mengandungi komponen WA; pengetahuan berkaitan (*related knowledge*); kemahiran berkaitan (*related skills*); sikap / keselamatan / persekitaran (alam sekitar); kriteria prestasi (*performance criteria*); kemahiran kebolehterapan; sumber rujukan bagi pembangunan bahan pembelajaran; mod penyampaian; perkakasan, peralatan dan bahan (*Tools, Equipments and Materials, TEM*); serta peratusan

pemberat kompetensi (*competency weightage*) bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.


4) TATACARA PEMBENTUKAN NOSS TERBITAN

Dokumen NOSS Terbitan merangkumi SP, SC dan CoCU (sekiranya ada). Penggabungan unit kompetensi perlulah mengikut tatacara yang betul supaya dokumen yang dihasilkan memenuhi keperluan industri dan boleh diguna pakai oleh pengguna.

Terdapat lima (5) langkah utama dalam pembentukan NOSS Terbitan iaitu:

1. Laksanakan analisis keperluan pekerjaan di industri;
2. Laksanakan analisis pekerjaan untuk membentuk Struktur Pekerjaan (*Occupational Structure, OS*) dan analisis bidang pekerjaan untuk membentuk Struktur Bidang Pekerjaan (*Occupational Area Structure, OAS*) (rujuk OF jika ada);
3. Laksanakan Analisis Kompetensi untuk membentuk CPC;
4. Gabungkan CP dan CoCU (jika ada) yang diperolehi dari NOSS sedia ada berdasarkan CPC yang dibentuk; dan
5. Bangunkan SP yang bersesuaian dengan gabungan CU.

Proses pembentukan NOSS Terbitan adalah seperti carta alir dalam Rajah 4-1 di bawah:



Rajah 4-1 : Carta Alir Pembentukan NOSS Terbitan

4.1) Analisis Keperluan (*Need Analysis*) Pekerjaan di Industri

Analisis keperluan pekerjaan di industri bagi pembentukan NOSS Terbitan merupakan salah satu elemen penting yang menjadi asas dalam menentukan kepentingan pembentukan NOSS Terbitan tersebut bagi kegunaan industri dan latihan.

Analisis keperluan pekerjaan di industri dalam pembentukan NOSS Terbitan perlu mengambil kira beberapa elemen utama iaitu:

- a) penawaran dan permintaan sektor industri;
- b) pengurangan jurang (*gap*) antara keperluan dunia pekerjaan dan latihan;
- c) pengiktirafan kepada pekerja mahir (sekiranya ada) daripada badan professional / badan perlesenan / badan penguatkuasa; dan
- d) penghasilan kompetensi yang berstruktur dan relevan sesuai bagi kegunaan masa kini dan masa akan datang.

Terdapat 2 elemen utama yang menjadi panduan sebagai rujukan kepada perlunya sesuatu NOSS Terbitan itu dibangunkan iaitu:

- a) Kerangka Pekerjaan (*Occupational Framework, OF*) mengikut Industri di Malaysia berpandukan MSIC 2008; dan
- b) permintaan dan penawaran daripada wakil industri, persatuan dan agensi Latihan (*core business* pemohon).

4.2) **Analisis Pekerjaan (*Occupational Analysis, OA*) & Analisis Bidang Pekerjaan (*Occupational Area Analysis, OAA*)**

Analisis Pekerjaan (*Occupational Analysis, OA*)

Analisis Pekerjaan adalah proses bagi mengenalpasti laluan kerjaya serta tajuk pekerjaan yang wujud mengikut bidang dan tahap sesuatu pekerjaan tersebut. Laluan pekerjaan yang ditentukan jelas menunjukkan peningkatan kerjaya yang boleh berlaku kepada pekerja mahir daripada tahap terendah kepada tahap yang tertinggi.

Tujuan OA adalah untuk:

- a) kenal pasti jawatan pekerjaan;
- b) kenal pasti struktur kerjaya (laluan kerjaya);
- c) kenal pasti tahap-tahap jawatan pekerjaan;
- d) kenal pasti seksyen dalam MSIC 2008;
- e) kenal pasti bahagian dan kumpulan; dan
- f) kenal pasti bidang pekerjaan.

Proses ini akan menghasilkan **Struktur Pekerjaan (*Occupational Structure, OS*)** yang akan menjadi rujukan utama kepada pembentukan sesuatu NOSS Terbitan.

OS yang dihasilkan mempunyai Seksyen dan Kumpulan pekerjaan berpandukan MSIC 2008. Bidang pekerjaan akan dikenal pasti mengikut struktur pekerjaan yang dianalisis dan setiap tahap pekerjaan akan mempunyai tajuk pekerjaan yang akan ditentukan dengan merujuk dokumen MSIC mengikut kesesuaian kepada tahap pekerjaan tersebut. Tahap pekerjaan akan dikenal pasti daripada tahap paling rendah kepada tahap yang tertinggi berdasarkan definisi tahap kompetensi dan skop kerja seperti Jadual 3-1.

Tatacara pembangunan OS adalah seperti berikut:

- a) kenal pasti tajuk pekerjaan bagi tujuan pembentukan NOSS Terbitan;
- b) semak tajuk pekerjaan dalam OF (jika ada);
- c) kenal pasti kedudukan tajuk pekerjaan berdasarkan MSIC 2008 mengikut Seksyen / Bahagian / Kumpulan / Kelas / Item;
- d) tentukan Seksyen dan Kumpulan yang bertepatan berpandukan MSIC 2008 serta berdasarkan *value chain* (Rujuk Lampiran D: Contoh *value chain*);
- e) tentukan Bidang Pekerjaan berpandukan ketetapan pakar industri;
- f) kenal pasti tajuk pekerjaan yang diguna pakai mengikut konsensus pakar industri berpandukan definisi tahap dan skop kerja;
- g) hasilkan struktur kerjaya lima tahap (OS) bagi bidang pekerjaan tersebut; dan
- h) tandakan (warna kelabu muda) tajuk pekerjaan dalam OS bagi pembentukan NOSS Terbitan seperti di Jadual 4-1.

Pembangunan OS mestilah:

- a) tahap pekerjaan perlu bermula dari tahap terendah iaitu tahap satu (1) dan perlu mempunyai justifikasi yang kukuh jika bermula pada tahap dua (2) dan ke atas berpandukan definisi tahap kompetensi;
- b) tajuk pekerjaan (*Job Title, JT*) yang ditentukan hendaklah berpandukan kepada definisi tahap kompetensi;
- c) nama tajuk pekerjaan (*Job Title, JT*) perlu berbeza bagi setiap tahap; dan
- d) tajuk Pekerjaan (*Job Title, JT*) tidak boleh sama dengan nama Bidang Pekerjaan (*Job Area, JA*) kerana Bidang Pekerjaan mewakili nama bidang bagi sesuatu tajuk pekerjaan tersebut.

Jadual 4-1 menunjukkan contoh OS yang dibangunkan mewakili satu laluan kerjaya

Jadual 4-1 : Contoh Struktur Jawatan Pekerjaan

<i>Section</i>	<i>(C) Manufacturing</i>
<i>Group</i>	<i>(291) Manufacture Of Motor Vehicles</i>
<i>Area</i>	<i>Passenger Vehicle Body Assembling</i>
<i>Level 5</i>	<i>Automotive Production Manager</i>
<i>Level 4</i>	<i>Automotive Assembly Executive</i>
<i>Level 3</i>	<i>Passenger Vehicle Body Assembly Supervisor</i>
<i>Level 2</i>	<i>Passenger Vehicle Body Assembly Operator</i>
<i>Level 1</i>	<i>No Job Title</i>

Analisis Bidang Pekerjaan (Occupational Area Analysis, OAA)

Analisis Bidang Pekerjaan adalah proses dalam pembentukan NOSS Terbitan bagi menentukan struktur bidang kerja mengikut tahap dan mesti mengikut struktur jawatan pekerjaan yang telah dikenal pasti. Secara asasnya, bagi setiap bidang kerja akan mempunyai kompetensi yang tersendiri yang membawa kepada penghasilan sesuatu NOSS Terbitan dan akan menjadi tajuk NOSS Terbitan.

Bidang kerja boleh digabungkan berdasarkan 3 syarat iaitu:

- a) persamaan pada skop kerja asas pada tahap yang berlainan;
- b) penawaran dan permintaan terhadap keperluan industri dan pekerja; atau
- c) kepatuhan kepada sesuatu akta / standard / keperluan utama dalam penentuan tahap pekerjaan.

Proses Analisis Bidang Pekerjaan ini akan menghasilkan **Struktur Bidang Pekerjaan (*Occupational Area Structure, OAS*)** yang akan menjadi rujukan utama kepada pembentukan sesuatu NOSS Terbitan.

Tatacara pembangunan OAS adalah seperti berikut:

- a) Rujuk Seksyen, Kumpulan dan Bidang Pekerjaan daripada OS;
- b) Tentukan skop kerja (aktiviti kerja) bagi setiap tahap mengikut tajuk pekerjaan di dalam OS;
- c) Tentukan CU bagi setiap skop kerja daripada tahap paling rendah kepada tahap yang tertinggi berdasarkan definisi tahap kompetensi / pekerjaan;
- d) elakkan penggabungan tajuk-tajuk pekerjaan dan jika perlu digabung mestilah berdasarkan kepada kriteria penggabungan CU yang dihasilkan;
- e) tentukan tajuk NOSS Terbitan bagi setiap tahap berdasarkan keseluruhan CU yang ada pada tahap tersebut; dan
 - i) Penulisan tajuk NOSS Terbitan hendaklah ditulis: *Object + Qualifier + Area of Competency* (merujuk kepada keseluruhan kompetensi). Tajuk perlu disediakan dalam dwi-bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
 - ii) Tajuk NOSS Terbitan tidak boleh sama dengan nama NOSS sedia ada.
 - iii) Penulisan tajuk NOSS Terbitan hendaklah jelas menggambarkan gabungan CU merujuk kepada pekerjaan dalam industri tersebut.
 - iv) Tajuk NOSS Terbitan tidak boleh menggambarkan jenama / agensi.
- f) tandakan (warna kelabu muda) tajuk NOSS Terbitan dalam OAS yang akan dibentuk seperti di Jadual 4-2.

Jadual 4-2 menunjukkan contoh OAS yang dibangunkan mewakili bidang pekerjaan mengikut tahap.

Jadual 4-2 : Contoh Struktur Bidang Pekerjaan (OAS)

<i>Section</i>	<i>(C) Manufacturing</i>
<i>Group</i>	<i>(291) Manufacture Of Motor Vehicles</i>
<i>Area</i>	<i>Passenger Vehicle Body Assembling</i>
<i>Level 5</i>	<i>Automotive Production Management</i>
<i>Level 4</i>	<i>Automotive Assembly Control</i>
<i>Level 3</i>	<i>Passenger Vehicle Body Assembly Operations</i>
<i>Level 2</i>	<i>Passenger Vehicle Body Assembly Station Operations</i>
<i>Level 1</i>	<i>No Job Title</i>

4.3) Analisis Kompetensi (*Competency Analysis*)

Analisis Kompetensi (*Competency Analysis*) adalah suatu proses mengenalpasti CU dalam NOSS sedia ada berdasarkan Skop Kerja.

Syarat-syarat penggabungan:

- CU yang dipilih hendaklah daripada NOSS sedia ada yang aktif dan boleh diambil dari CU Teras dan Elektif;
- CU yang dipilih hendaklah menepati Skop Kerja;
- Prasyarat (*prerequisite*) CU dalam NOSS sedia ada juga perlu dipenuhi (sekiranya ada);
- Bilangan kompetensi ideal adalah sebanyak 4 – 10 CU; dan
- Semua CU dalam NOSS Terbitan adalah **CU Teras sahaja**.

Carta Profil Kompetensi (*Competency Profile Chart, CPC*) menjelaskan skop dan senarai kerja utama dan senarai aktiviti kerja dalam sesuatu bidang pekerjaan mengikut tahap.

Tatacara pembangunan Analisis Kompetensi:

- a) Tentukan CU dalam NOSS sedia ada berdasarkan Skop Kerja.
- b) Buat padanan CU dalam NOSS sedia ada dengan Skop Kerja menggunakan Borang Padanan NOSS Terbitan di Lampiran B.
- c) Masukkan tajuk CU dan keseluruhan WA dalam CU tersebut ke dalam templat CPC.
- d) Susun CU dalam kotak mengikut turutan (baris atas ke bawah). Turutan CU adalah berdasarkan keutamaan berikut:
 - i) **Daripada kompetensi mudah kepada kompetensi kompleks**
Kompetensi yang mudah dilakukan hendaklah disusun terlebih dahulu diikuti oleh CU yang lebih kompleks. Ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan dalam latihan yang bermula dari kompetensi mudah ke kompetensi yang lebih kompleks.
 - ii) **Daripada kompetensi paling utama ke kompetensi kurang utama; atau**
CU yang paling penting dalam bidang kerja perlu disusun terlebih dahulu. Sekiranya latihan bagi CU yang pertama atau yang berkaitan tidak dijalankan terlebih dahulu, keseluruhan latihan CU berikutnya akan menjejaskan objektif latihan keseluruhan.
 - iii) **Daripada kompetensi proses mula ke kompetensi proses akhir**
Susunan ini sesuai untuk NOSS Terbitan yang menunjukkan satu proses yang lengkap dalam pekerjaan tersebut.

e) Format penuh CPC ditunjukkan dalam Rajah 4-2

i) Isikan kod tajuk NOSS Terbitan, CU dan WA ke dalam templet mengikut MSIC 2008 dengan susunan seperti berikut:

1. Kod Tajuk NOSS Terbitan

Kod (Seksyen & Kumpulan MSIC 2008), nombor giliran (masukkan XXX), tahap, tahun (masukkan 20XXT), huruf "T" (menunjukkan NOSS Terbitan)

Contoh: C192-XXX-2:20XXT

2. Kod CU

Kod Tajuk NOSS Terbitan diikuti kod turutan CU (mengikut susunan pemohon)

Contoh: C192-XXX-2:20XXT-C03

3. Kod WA

Kod Tajuk NOSS Terbitan, kod CU (mengikut susunan pemohon) diikuti kod turutan WA (merujuk kedudukan asal WA dalam CU).

Contoh: C192-XXX-2:20XXT-C03-WA01

CONTOH CARTA PROFIL KOMPETENSI BAGI BIDANG *PASSENGER VEHICLE BODY ASSEMBLY OPERATIONS*

SECTION	(C) MANUFACTURING		
GROUP	(291) MANUFACTURE OF MOTOR VEHICLES		
AREA	PASSENGER VEHICLE BODY ASSEMBLING		
NOSS TITLE	PASSENGER VEHICLE BODY ASSEMBLY OPERATIONS		
NOSS LEVEL	THREE (3)	NOSS CODE	C291-XXX-3:20XXT

←COMPETENCY UNIT→		←WORK ACTIVITIES→		
